

15/09/1999

Asean patut ketuai pasukan PBB di Dili

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia berpendapat penempatan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur seharusnya diketuai negara Asean.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata isu Timor Timur membabitkan negara Asean dan sewajarnya diselesaikan tanpa membiarkan pihak asing mengambil kesempatan menyebarkan pengaruh mereka.

Beliau berkata, kuasa asing memang menunggu peluang untuk campur tangan dalam hal ehwal negara lain bagi menekan dan memburuk-burukkan kerajaan negara rantau ini.

"Kita berpendapat sepatutnya negara Asean yang menghantar pasukan dan tolong menyelesaikan masalah ini. Tetapi nampak jelas beberapa negara lain terutama Australia hendak sangat menghantar tentera ke Timor Timur.

"Ini adalah tabiat mereka yang suka sangat kalau ada peluang menekan dan memburukkan jiran, itu cara mereka," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Australia, John Howard, mengumumkan bahawa negara itu dilantik menerajui pasukan pengaman PBB ke Timor Timur.

Beberapa negara Asia Timur dengan teraju utamanya Indonesia dikatakan tidak senang dengan pelantikan itu kerana mahu rantau Asia Tenggara memainkan peranan utama dalam pasukan pengaman itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sanggup menghantar pasukan pengaman ke Timor Timur dan berharap negara anggota Asean lain juga sanggup berbuat demikian.

"Bahkan kita bagi perakuan kepada Presiden BJ Habibie iaitu jika beliau mahukan (pasukan tentera) kita, kita bersedia (menghantarnya)," katanya.

Ditanya apakah Indonesia masih berhak terhadap Timor Timur selepas keputusan pungutan suara PBB menunjukkan sebahagian besar penduduknya memilih untuk merdeka, Perdana Menteri berkata wilayah itu masih tanggungjawab Jakarta.

Katanya, Timor Timur sudah 25 tahun berada di bawah pemerintahan Indonesia dan negara itu masih bertanggungjawab terhadap kedaulatan wilayahnya.

Mengenai cadangan Kanada supaya Komanwel mengutuk Malaysia kerana memenjarakan wartawan Far Eastern Economic Review, Murray Hiebert, Perdana Menteri berkata Malaysia juga boleh mengambil tindakan sama bagi mengutuk penindasan negara itu terhadap penduduk pribuminya, iaitu bangsa Red Indian.

Malah, kata Dr Mahathir, Kanada juga bertindak tidak adil terhadap rakyat Malaysia yang berkunjung ke negara itu, seperti penahanan dua rakyat negara ini di lapangan terbang di sana.

"Dia (Kanada) sudah menindas Red Indian beratus-ratus tahun. Kita (Malaysia) tak nak kutuk dia pun. Tak usah cakaplah," katanya.

Menteri Luar Kanada, Lloyd Aworthy, dilaporkan sebagai berkata, beliau akan membangkitkan perkara itu pada mesyuarat Kumpulan Bertindak Menteri Komanwel di New York lewat bulan ini.

Kumpulan itu ditubuhkan bagi menyasat pencabulan hak asasi manusia di 54 negara anggota.

(END)